Permohonan Pengemukaan Pelan Bangunan Untuk Kelulusan

Di bawah peruntukan Seksyen 70 (13) Akta 133, Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974, sebarang kerja pembinaan hendaklah dirujuk untuk kelulusan.

1. Dokumen yang perlu dikemukakan:

- Borang A (Perakuan Pelan-Pelan Bangunan/Struktur (UBBL 1984)
- Surat permohonan rasmi daripada Akitek
- Pelan bangunan - 6 set (dengan 1 linen diwarnakan)
- Pelan rajah paip sanitari dalaman - 4 set (dengan 1 linen diwarnakan)
- Pelan rajah paip bekalan air - 4 set (dengan 1 linen diwarnakan)
- Dokumen hakmilik - 4 salinan
- Surat kelulusan dasar PTG - 4 salinan
- Resit bayaran premium/cukai tanah - 4 salinan
- Salinan bayaran cukai tanah kosong - 4 salinan
- Pelan susunatur yang diluluskan - 1 salinan
- Pelan pre-comp yang telah diperakukan - 1 salinan
- Pelan dan kiraan struktur bangunan(RC) - 2 set
- Surat kelulusan kerjatanah dan infrastruktur - 1 salinan
- Disket atau CD mengandungi pelan susunatur program Autocad dengan dinyatakan kordinate tapak.

2. Pelan Bangunan hendaklah disediakan oleh Akitek Bertauliah yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia sahaja.

3. Pelan bangunan hendaklah dilengkapkan dengan perkara berikut:

- Ruangan `Title Block'
- Pelan kunci
- Pelan Lokasi
- Pelan tapak
- Pelan lantai
- Pelan tampak
- Pelan bumbung
- Pelan keratan
- Tembok penahan (jika ada)
- Kolam renang dan perincian (jika ada)
- Sistem sanitari bangunan

4. Semua pelan cadangan akan dirujuk kepada Jabatan-jabatan Teknikal untuk pandangan dan ulasan.

Pihak Arkitek adalah bertanggungjawab mengemukakan pelan bangunan terus kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat untuk kelulusan.

5. Fee Pemerosesan Pelan

Semua permohonan kelulusan pelan bangunan akan dikenakan fee pemerosesan berdasarkan Jadual Pertama, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984.

6. Proses Kelulusan Permohonan

- Satu kertas kerja akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Dan Teknikal yang bersidang pada setiap bulan untuk pertimbangan.
- Keputusan yang dibuat oleh MPB adalah muktamad.
- Pihak pemaju akan dijemput untuk memberi penerangan/taklimat berhubung cadangan pembangunan semasa mesyuarat di adakan bergantung kepada kehendak Majlis/Jawatankuasa.

7. Penyediaan Kelulusan

- Pelan cadangan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa akan dicop kelulusan untuk diperakukan oleh Yang Dipertua. Sebanyak **dua (2) set pelan cadangan** yang telah diluluskan akan dikembalikan kepada pihak pemohon untuk tindakan.
- Salinan tambahan boleh didapati dengan dikenakan caj sebanyak **RM 50.00** bagi setiap salinan.
- Kelulusan pelan bangunan akan disertakan dengan surat kelulusan yang mengandungi semua syarat Jabatan Teknikal dan syarat-syarat am Majlis.

8. Validasi Kelulusan

- Pelan-pelan yang telah diluluskan adalahnya diperakui sah bagi tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan.
- Permohonan melanjutkan tempoh kelulusan boleh dibuat dengan menjelaskan semula jumlah fi penuh pemerosesan pelan.
- Kelulusan tempoh sah (validasi) hanya boleh dipertimbangkan selama tiga kali pembaharuan sahaja.

9. Pelan Pindaan Kepada Pelan Yang Diluluskan

- Sebarang pindaan kepada pelan bangunan hendaklah mendapat kelulusan bertulis MPB.
- Kelulusan pelan pindaan akan dikeluarkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan lengkap.
- Semua proses permohonan pelan pindaan akan dikenakan fi yang dikira berdasarkan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1974.
- Semua pelan pindaan yang terlibat hendaklah diluluskan sebelum sijil kelayakan menduduki bangunan dipertimbangkan.

10. Keperluan

- Pelan-pelan bangunan hendaklah dilipat bersaiz A4
- Pelan-pelan bangunan hendaklah disusun mengikut nombor lukisan, dijilid menjadikan satu set yang lengkap

Note: Semua pelan yang dikemukakan hendaklah diwarnakan piawaian lazim